KAJIAN KEMUNGKINAN MENDIRIKAN STESEN MINYAK DI KOTA SAMARAHAN, PUSAT PENTADBIRAN, BAHAGIAN KE-8 SARAWAK

Satu Kertas Kerja Untuk Dikemukakan Kepada
Kajian Perniagaan Dan Pengurusan Sebagai Sebahagian
Daripada Memenuhi Syarat Untuk Menamatkan Pengajian

Disediakan Oleh

ABDUL WAHID BIN HAMID	84009978	
ABU HASSAN BIN YUSUF	84002879	
AZMEE BIN ABDILLAH	84001792	
MD. ZAINI BIN BOINI	84602099	(Ketua Kumpulan)

Penasihat

ENCIK ABDUL HALIM IBRAHIM

DIPLOMA IN BUSINESS STUDIES
KAJIAN PERNIAGAAN DAN PENGURUSAN
INSTITUT TEKNOLOGI MARA
SHAH ALAM
SELANGOR DARULEHSAN

BAHAGIAN 3: ANALISA PROJEK

BAB 3: Analisa Teknik.. 42

3.1. Analisa Tapak.. 42

3.1.1. Tapak Lokasi. 42

3.1.2. Aspek Ekonomi 42

3.1.3. Komunikasi dan Kemudahan Perhubungan.. 42

3.1.4. Keadaan Tapak 43

3.1.5. Keselamatan.. 43

3.2. Konsep Bangunan, Corak Spesifikasi dan Pelan Bangunan. 43

3.2.1. Pengenalan 43

3.2.2. Peningkatan Kejuruteraan, Kerja Pembinaan dan Pekerjaan di Stesen Minyak. 44

3.2.3. Rangka Kerja Dalam Jadual Penyiapan. 45

3.2.4. Permohonan Untuk Nombor Lot 2222.. .. 46

3.2.5. Kesimpulan 47

BAB 4: Kewangan.. 48

4.1. Sumber Kewangan 48

4.1.1. Modal.. 48

4.1.2. Pinjaman Tetap.. 49

4.1.3. Bank Gerenti. 49

4.2. Kegunaan Sumber Kewangan 49

4.2.1. Modal Pusingan.. 50

4.2.2. Bayaran Untuk Bank Gerenti.. 50

4.2.3. Simpanan.. 50

4.2.4. Mendirikan Stesen Minyak. 51

4.3. Mendapat Pinjaman. 51

4.3.1. Bank Pembangunan 51

4.3.2. Bank Bumiputera. 55

4.3.3. Bank Utama 56

PENGHARGAAN

KAMI ingin menyampaikan setinggi-tinggi terima kasih yang tidak terhingga kepada pihak yang telah memberi bimbingan dan semangat sehingga kami berjaya menyiapkan kertas kerja kajian kami ini. Pihak-pihak yang telah terlibat adalah:

1. Encik Abdul Halim Ibrahim(Pensyarah Kewangan ITM Shah Alam dan penasihat projek ini)

2. Encik Nicholas Amin(Pensyarah Pengangkutan I.T.M.C.S)
   Encik P.J. Atchiah(Pensyarah Ekonomi I.T.M.C.S)
   yang telah menjadi penasihat projek di Sarawak.

3. Encik Bolhen Nor(AMN PBS)
   Pegawai Daerah Kota Samarahan.

4. Encik Bakar Bin Bojeng(ABS PBS)
   Superintendent Tanah dan Ukur.

5. Encik Peter Ngok Lau(ABS)
   Pegawai Pentadbiran(Bahagian Kejuruteraan)
   Majlis Daerah Luar Bandar Kuching(MDLB)

6. Encik Alias Ali
   Pengurus Projek, Rancangan Pembangunan Pertanian Bersepadu.

7. Encik Zainal Abidin Haji Bilal
   Setiausaha Persatuan Peladang Kota Samarahan.

8. Pegawai-pegawai Pemasaran SHELL, ESSO dan PETRONAS Sarawak.

9. Penghulu-penghulu kampung yang berkenaan.

BAB I: PENGENALAN DAN LATARBELAKANG

PENUBUHAN Samarahan sebagai Bahagian Ke-8 negeri Sarawak akan menjadikan Muara Tuang(Ditukar nama menjadi Kota Samarahan sebagai sebuah tempat pentadbiran dan perniagaan). Bahagian Ke-8 merangkumi Lembah Samarahan yang mempunyai kawasan 86,170 hektar.[1]

Kawasan dibahagi kepada tiga(3) daerah:

(A) Samarahan Selatan

(B) Samarahan Tengah

(C) Samarahan Utara

Kota Samarahan terletak di Samarahan Tengah dan jaraknya 20 batu ataupun 34 Kilometer dari Kuching. Ia dihubungi oleh jalan tar(All weather bitumin road). Kedudukan Kota ini terletak di tepi sungai Samarahan di mana terdapat 6,000 orang penduduk tinggal di sini.[2]

Di tengah Kota Samarahan ini terdapat sebuah sekolah rendah, sebuah sekolah menengah, sebuah klinik kerajaan dan pendarat feri(Ferry landing point). Sebuah whaf perniagaan sedang dibuat untuk kapal-kapal memunggah barang.

Terdapat juga tiga deret kedai setingkat yang telah dibina 10 tahun lepas, empat deret kedai baru sedang dibina oleh Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak, empat deret kedai baru ini sedikit sebanyak akan mengurang kesesakan di pasar lama dan menyediakan infrastruktur untuk kegunaan perniagaan dan pejabat awam.

---

1 Integrated Agriculture Development Project(IADP) Report, 1978.

2 Ibid

1.1. PERTUMBUHAN MASA HADAPAN

SATU rangka bagi kawasan ini telah disediakan oleh Pejabat Tanah dan Ukur serta Unit Pembangunan di Pejabat Ketua Menteri. Ini termasuk pembinaan pendarat feri bagi kemudahan komunikasi kenderaan ke seberang sungai, jalan raya menuju ke timur dan barat kawasan ini(Exhibit 1.1.4). Rangka cadangan ini merangkumi tiga bahagian.

A. Pusat Bandar, Dewan Bandar(Town Hall) dan Balairaya.

B. Kemudahan awam dan pejabat kerajaan. Sebuah hospital untuk Bahagian Ke-8, Balai Bomba, Pusat Rekreasi (Padang Sukan) serta bangunan pejabat negeri dan pejabat persekutuan. Semua ini dirancang disatu kawasan 10 ekar berhadapan dengan pejabat daerah.

C. Kawasan perumahan empat kilometer dari pusat bandar.

Pembangunan adalah dianggar akan berlaku di sepanjang jalan Muara Tuang dan seterusnya ke timur dan barat. Ini adalah kerana sekatan sungai yang membahagikan kawasan ini. Ini adalah kerana kawasan ini berhampiran dengan kawasan ibu negeri(Kuching) dan boleh menjadi kawasan pembekal(Hinterland).

Kemudahan jalan raya(Exhibit 1.1.4) telah dirangka dengan teliti supaya kawasan ini akan dapat dihubungi dengan berkesan. Jalan raya ini diharap akan dapat menolong mempercepatkan pembangunan yang dirancang dan kemudahan untuk membawa masuk baja dan hasil keluaran kebun ke Kuching atau ke tempat lain. Ini juga amatlah penting untuk menolong pembangunan Pertanian Bersepadu yang sedang dijalankan.